

Kerajaan bincang dengan swasta—

Subsidi atas harga minyak isu penting

KUALA LUMPUR, Jumaat.—

Isu penting yang dibincang antara Kerajaan dan syarikat-syarikat minyak di sini sekarang ini ialah perlukah Kerajaan menambah jumlah subsidi ke atas harga petrol, diesel dan

Oleh **RUHANIE AHMAD**

minyak tanah. Sumber-sumber syarikat petrol dan Kerajaan memberitahu hari ini, penekanan terhadap isu tersebut membayangkan Kerajaan tidak akan menaikkan harga

petroleum walaupun harga minyak mentah di pasaran dunia kian melambong.

Sumber-sumber tersebut menekaikan pendirian Kerajaan itu adalah sejajar dengan pengumuman Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Kerajaan tidak akan membenarkan kenaikan harga petrol.

Sebaliknya Kerajaan akan menampung kenaikan harga yang ditanggung oleh syarikat-syarikat minyak.

Sumber-sumber juga menjelaskan syarikat-syarikat minyak sekarang memberi perhatian berat terhadap masalah kekurangan diesel dan sama ada perlu had harga diesel dua peringkat — untuk kegunaan awam dan kegunaan perindustrian — diwujudkan semula.

Hangat

Isu harga diesel dua peringkat itu juga menjadi perbincangan antara wakil syarikat minyak dengan Kerajaan kerana kebanyakan syarikat minyak mendakwa mereka tidak diberi peluang memberi pendapat mereka sebelum Kerajaan mengambil langkah memansuhkan harga dua peringkat baru-baru ini.

Berita Harian mendapat tahu kebanyakan syarikat minyak membangkitkan bahawa jumlah subsidi yang diberikan oleh Kerajaan ke atas petroleum sepatutnya dirangka secara wajar agar memberi faedah yang menyeluruh.

Umpamanya, tegas sumber-sumber itu lagi, Kerajaan kini membelanjakan hampir 320 juta untuk subsidi harga minyak. Jumlah itu pula meningkat berikutan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia.

Oleh kerana kebanyakan subsidi itu untuk diesel yang hanya dijual dengan harga serupa sama ada untuk kegunaan awam atau industri, maka pihak industri juga menerima subsidi dari Kerajaan dengan secara tidak langsung menerusi pembelian diesel.

Subsidi

Masalah harga diesel dan subsidi inilah yang mungkin membuatkan syarikat minyak merasa kurang senang kerana diesel yang dijual dengan harga \$1.20 segalen juga boleh dibeli oleh pihak industri yang sebelum Jun lalu terpaksa membeli dengan harga yang berbeda dan tinggi sedikit.

Sekiranya Kerajaan masih mahu menetapkan diesel dijual dengan harga yang serupa untuk kegunaan awam dan industri, tegas sumber-sumber petroleum itu, maka lanya harus menimbangkan satu subsidi untuk diesel yang lebih wajar untuk bahan itu.

Setengah syarikat minyak juga mendakwa ada syarikat lain yang tidak mampu untuk membekalkan diesel seperti biasa kerana terpaksa membeli diesel \$2 segalen tapi menjualnya dengan harga \$1.30 dan menerima subsidi 12 sen segalen.

No Siri 2149
No Penerimaan 325/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia